

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah pulangan dan manfaat ekonomi yang diperolehi oleh Malaysia hasil kerjasama ekonomi antarabangsa seperti *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, perjanjian-perjanjian perdagangan bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA) yang telah dan bakal ditandatangani membolehkan Malaysia menikmati pelbagai manfaat seperti pengurangan duti ke atas barangan import, akses pasaran berkeutamaan bagi perdagangan perkhidmatan, memudah cara pergerakan pekerja profesional dan berkemahiran tinggi serta meningkatkan daya tarikan negara sebagai satu destinasi pelaburan yang terpilih.

Pada masa ini, Malaysia telahpun menguatkuasakan 14 FTA, iaitu tujuh (7) FTA dua hala dan tujuh(7) FTA serantau. *ASEAN Free Trade Area* (AFTA) merupakan FTA serantau pertama yang dikuatkuasakan oleh Malaysia. Selain daripada AFTA, Malaysia melalui ASEAN juga telah melaksanakan enam (6) FTA serantau bersama Rakan Dialog ASEAN iaitu Australi-New Zealand, Jepun, China, Korea, India dan Hong Kong. Perjanjian seumpama ini dikenali sebagai *ASEAN Plus FTAs*.

RCEP merupakan FTA terbesar di dunia dengan pasaran meliputi hampir sepertiga penduduk dunia atau 2.2 bilion orang. Menurut data Bank Dunia pada tahun 2019, nilai gabungan Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) negara-negara anggota RCEP adalah sebanyak AS\$25.8 trilion (RM106.9 trilion) atau 29.44% KDNK dunia, dengan nilai perdagangan barangan RCEP dicatatkan berjumlah AS\$10.4 trilion (RM43.1 trilion) atau 29.13%. Justeru, tidak dinafikan bahawa kesemua AMS, termasuk Malaysia, akan mendapat banyak manfaat serta faedah hasil daripada pelaksanaan Perjanjian ini.

Apabila Perjanjian ini berkuat kuasa, selain daripada pengurangan duti ke atas barangan yang diimport, negara anggota RCEP juga komited untuk mengurangkan halangan-halangan bukan tarif atau dengan izin, *non-tariff measures* (NTMs). Ini akan dilaksanakan melalui penyelarasan tatacara import dan eksport, termasuklah harmonisasi peraturan dan piawaian (*harmonisation of rules and standards*) yang terpakai di setiap

negara anggota RCEP, bagi memudah cara pergerakan barangan rentas sempadan.

RCEP melalui Bab Standard, Peraturan Teknikal dan Prosedur Penilaian Pematuhan atau *Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures* (STRACAP) misalnya, menggalakkan kerjasama yang lebih meluas di antara badan-badan piawaian negara anggota RCEP, bagi memastikan standard industri tidak menjadi penghalang kepada perdagangan rentas sempadan atau meningkatkan kos barangan yang dieksport.

Selain itu, RCEP mewujudkan satu platform kerjasama yang akan membolehkan penyelarasan peraturan dan prosedur yang berbeza-beza yang terkandung di dalam *ASEAN Plus FTAs*. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyulitkan aktiviti perdagangan mereka kerana ianya melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan, di mana mereka perlu memenuhi prosedur yang berlainan yang ditetapkan di bawah setiap *ASEAN Plus FTA*.

RCEP juga akan memberikan lebih banyak pilihan kepada pengilang dan pengeksport Malaysia untuk memperolehi bahan mentah yang berkualiti pada harga yang kompetitif dari kalangan negara anggota RCEP. Kesemua bahan ini boleh digunakan dalam pengiraan bagi tujuan pematuhan kepada Peraturan Tempasal (*Rules of Origin – ROO*). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pematuhan ROO merupakan penentu utama bagi melayakkan sesuatu barangan untuk menikmati pengurangan atau pengecualian duti import di bawah mana-mana FTA termasuk RCEP.